

- 1 Pernyataan berikut menerangkan satu Kod Etika Akauntan Profesional.

Akauntan tidak boleh mendedahkan sebarang maklumat yang diperolehi kepada mana-mana pihak yang tidak berkaitan.

Apakah kod etika tersebut?

- A Integriti
  - B Objektiviti
  - C Kerahsiaan
  - D Kompetensi
- 2 Pernyataan berikut diperolehi daripada Perniagaan Rusliza.

Puan Rusliza merekodkan premium insurans peribadi RM200 ke dalam buku perniagaan.

Apakah andaian perakaunan yang bertentangan dengan tindakan Puan Rusliza?

- A Prinsip kos
  - B Entiti berasingan
  - C Wang sebagai ukuran
  - D Pengiktirafan hasil dan belanja
- 3 Antara berikut, manakah merupakan belanja operasi bagi Kedai Buku Eizwan?
- I Belanja am
  - II Kadar bayaran
  - III Faedah atas pinjaman
  - IV Jualan komputer terpakai
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 4 Pernyataan berikut berkaitan dengan satu jenis dokumen perniagaan.

Dihantar oleh penjual untuk memberitahu pembeli bahawa baki hutangnya telah bertambah.

Apakah dokumen perniagaan tersebut?

- A Memo
- B Invois
- C Nota debit
- D Nota kredit

- 5 Pilih padanan yang betul.

|   | Urus niaga                               | Jurnal Khas            |
|---|--|------------------------|
| A | Membeli kenderaan terpakai secara kredit | Jurnal Belian          |
| B | Menjual barang niaga secara tunai        | Jurnal Jualan          |
| C | Memulangkan barang niaga kepada pembekal | Jurnal Pulangan Belian |
| D | Menghantar invois kepada pelanggan       | Jurnal Pulangan Jualan |

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan Buku Tunai bagi Perniagaan Firdaus.

Buku Tunai (petikan)

| Tarikh  | Butir | Dis. | Tunai | Bank | Tarikh  | Butir | Dis. | Tunai | Bank |
|---------|-------|------|-------|------|---------|-------|------|-------|------|
| 2021    |       | RM   | RM    | RM   | 2021    |       | RM   | RM    | RM   |
| Ogos 15 | Amir  | 80   |       | 620  | Ogos 20 | Amir  |      |       | 620  |

Manakah urus niaga yang menerangkan perkara yang berlaku pada 20 Ogos 2021?

- A Cek Amir dibatalkan kerana cek tak laku
- B Menjelaskan hutang kepada Amir dengan cek
- C Membeli barang niaga daripada Amir dengan cek
- D Menerima cek daripada Amir dan memberi diskaun

7 Urus niaga berikut diambil daripada Kedai Aksesori Kereta Eric.

Pemilik mengambil sedozen minyak pelincir sebanyak RM150 untuk tujuan promosi.

Pilih catatan lejar yang betul bagi urus niaga tersebut.

A

| Akaun Promosi |        |
|---------------|--------|
| Belian        | RM 150 |
| Akaun Belian  |        |
| Promosi       | RM 150 |

B

| Akaun Belian  |        |
|---------------|--------|
| Ambilan       | RM 150 |
| Akaun Ambilan |        |
| Belian        | RM 150 |

C

| Akaun Ambilan |        |
|---------------|--------|
| Promosi       | RM 150 |
| Akaun Promosi |        |
| Ambilan       | RM 150 |

D

| Akaun Belian  |        |
|---------------|--------|
| Ambilan       | RM 150 |
| Akaun Ambilan |        |
| Belian        | RM 150 |

- 8 Petikan akaun berikut diperolehi daripada Perniagaan Nazrey.

**Akaun Kawalan Belum Terima**

| 2020   |          | RM    | 2020    |                | RM    |
|--------|----------|-------|---------|----------------|-------|
| Jan. 1 | Baki b/b | 6 200 | Dis. 31 | Tunai          | 7 200 |
|        |          |       |         | Diskaun diberi | 230   |
|        |          |       |         | Baki h/b       | 1 400 |

Berapakah jualan kredit?

- A RM1 400  
 B RM2 630  
 C RM6 200  
 D RM8 830
- 9 Manakah catatan yang betul dalam Imbangan Duga?

A

| Imbangan Duga pada 31 Mac 2021 |             |              |
|--------------------------------|-------------|--------------|
|                                | Debit<br>RM | Kredit<br>RM |
| Modal                          | 50 400      |              |
| Susut nilai terkumpul mesin    |             | 2 100        |
| Pulangan masuk                 |             | 1 300        |

B

| Imbangan Duga pada 31 Mac 2021 |             |              |
|--------------------------------|-------------|--------------|
|                                | Debit<br>RM | Kredit<br>RM |
| Modal                          |             | 50 400       |
| Susut nilai terkumpul mesin    | 2 100       |              |
| Pulangan masuk                 |             | 1 300        |

C

| Imbangan Duga pada 31 Mac 2021 |             |              |
|--------------------------------|-------------|--------------|
|                                | Debit<br>RM | Kredit<br>RM |
| Modal                          | 50 400      |              |
| Susut nilai terkumpul mesin    |             | 2 100        |
| Pulangan masuk                 | 1 300       |              |

D

| Imbangan Duga pada 31 Mac 2021 |             |              |
|--------------------------------|-------------|--------------|
|                                | Debit<br>RM | Kredit<br>RM |
| Modal                          |             | 50 400       |
| Susut nilai terkumpul mesin    |             | 2 100        |
| Pulangan masuk                 | 1 300       |              |

- 10 Apakah maksud sistem inventori berterusan?
- A Sistem yang digunakan oleh perniagaan berskala kecil
- B Sistem yang mempamerkan pergerakan keluar masuk setiap inventori
- C Sistem yang memerlukan inventori dihitung secara manual satu persatu
- D Sistem yang memerlukan inventori hanya dikira pada akhir suatu tempoh perakaunan
- 11 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Salima Enterprise.

|                     | RM     |
|---------------------|--------|
| Belian barang niaga | 40 600 |
| Belian kenderaan    | 35 000 |
| Pulangan masuk      | 890    |
| Pulangan keluar     | 1 240  |

Berapakah jumlah belian bersih?

- A RM39 360
- B RM39 710
- C RM74 360
- D RM74 710
- 12 Manakah catatan penutupan yang betul bagi penerimaan hutang lapuk terpulih RM280 daripada Perniagaan Huda?

A

| Akaun Hutang Lapuk Terpulih |     |                   |     |
|-----------------------------|-----|-------------------|-----|
|                             | RM  |                   | RM  |
| Perniagaan Huda             | 280 | Akaun Untung Rugi | 280 |

B

| Akaun Hutang Lapuk Terpulih |     |                 |     |
|-----------------------------|-----|-----------------|-----|
|                             | RM  |                 | RM  |
| Akaun Untung Rugi           | 280 | Perniagaan Huda | 280 |

C

| Akaun Hutang Lapuk Terpulih |     |                   |     |
|-----------------------------|-----|-------------------|-----|
|                             | RM  |                   | RM  |
| Tunai                       | 280 | Akaun Untung Rugi | 280 |

D

| Akaun Hutang Lapuk Terpulih |     |       |     |
|-----------------------------|-----|-------|-----|
|                             | RM  |       | RM  |
| Akaun Untung Rugi           | 280 | Tunai | 280 |

13 Antara berikut, manakah yang benar bagi perakaunan asas akruan?

- I Hasil direkodkan apabila tunai diterima
- II Hasil belum terima akan diiktiraf sebagai hasil
- III Belanja belum bayar akan diiktiraf sebagai belanja
- IV Belanja direkodkan apabila bayaran tunai dilakukan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Omar Enterprise pada 31 Disember 2020.

|                                  | RM    |
|----------------------------------|-------|
| Sewa belum terima 1 Januari 2020 | 800   |
| Penerimaan sewa                  | 5 200 |
| Sewa diterima tahunan            | 4 800 |

Berapakah sewa belum terima bagi tahun tersebut?

- A RM400
- B RM800
- C RM1 200
- D RM1 600

15 Pilih catatan bergu yang betul untuk merekod hutang lapuk.

|   | Debit              | Kredit             |
|---|--------------------|--------------------|
| A | Hutang Lapuk       | Akaun Belum Terima |
| B | Akaun Belum Terima | Hutang Lapuk       |
| C | Hutang Lapuk       | Bank               |
| D | Bank               | Hutang Lapuk       |

- 16 Berikut adalah petikan Imbangan Duga Maju Enterprise.

**Imbangan Duga pada 30 September 2021 (petikan)**

|   | Debit<br>RM | Kredit<br>RM |
|---|-------------|--------------|
| Perabot   | 8 800       |              |
| Susut nilai terkumpul perabot   |             | 1 760        |
| <b>Maklumat tambahan:</b><br>Perabot disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. |             |              |

- 16 Berapakah belanja susut nilai yang direkodkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 September 2021?

- A RM704  
B RM880  
C RM1 760  
D RM2 640

- 17 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perakaunan Pasar Mini Jaya pada 31 Disember 2020.

|   | RM     |
|---|--------|
| Kenderaan (dibeli pada 1 Januari 2018)                      | 55 000 |
| Susut nilai terkumpul kenderaan                             | 11 000 |
| <b>Maklumat tambahan:</b>                                   |        |
| i. Kadar susut nilai kenderaan adalah 10% setahun atas kos. |        |
| ii. Kenderaan telah dijual pada 31 Disember 2020.           |        |

- Berapakah harga jualan kenderaan tersebut jika perniagaan memperoleh untung atas pelupusan kenderaan sebanyak RM2 400?

- A RM36 100  
B RM40 900  
C RM41 600  
D RM46 400

- 18 Berikut adalah urus niaga yang berlaku dalam perniagaan Adam & Co.

Membayar kadar bayaran dengan tunai RM300.

**Maklumat tambahan:**

Kadar bayaran belum bayar RM50.

Bagimanakah pelarasan tersebut ditunjukkan dalam Imbangan Duga Terselaras pada 31 Ogos 2020?

A

| Adam & Co.<br>Imbangan Duga pada 31 Ogos 2020 |             |              |
|---|-------------|--------------|
|   | Debit<br>RM | Kredit<br>RM |
| Kadar bayaran                                 | 350         |              |
| Kadar bayaran belum bayar                     | 50          |              |

B

| Adam & Co.<br>Imbangan Duga pada 31 Ogos 2020 |             |              |
|---|-------------|--------------|
|   | Debit<br>RM | Kredit<br>RM |
| Kadar bayaran                                 | 350         |              |
| Kadar bayaran belum bayar                     |             | 50           |

C

| Adam & Co.<br>Imbangan Duga pada 31 Ogos 2020 |             |              |
|---|-------------|--------------|
|   | Debit<br>RM | Kredit<br>RM |
| Kadar bayaran                                 |             | 350          |
| Kadar bayaran belum bayar                     | 50          |              |

D

| Adam & Co.<br>Imbangan Duga pada 31 Ogos 2020 |             |              |
|---|-------------|--------------|
|   | Debit<br>RM | Kredit<br>RM |
| Kadar bayaran                                 |             | 350          |
| Kadar bayaran belum bayar                     |             | 50           |

[ Lihat halaman sebelah



- 19 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Eccah.

Insurans RM3 600 telah dibayar untuk tempoh setahun mulai 1 April 2020.  
Tempoh perakaunan berakhir 31 Disember setiap tahun.

Manakah catatan yang betul untuk merekod urus niaga berikut dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020?

**A**

| <b>Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020</b> |           |
|---|-----------|
| <b>Aset Semasa</b>                                      | <b>RM</b> |
| Insurans prabayar                                       | 2 700     |

**B**

| <b>Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020</b> |           |
|---|-----------|
| <b>Aset Semasa</b>                                      | <b>RM</b> |
| Insurans prabayar                                       | 900       |

**C**

| <b>Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020</b> |                         |
|---|-------------------------|
|   | <b>Liabiliti Semasa</b> |
|   | <b>RM</b>               |
|   | Insurans prabayar       |
|   | 2 700                   |

**D**

| <b>Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020</b> |                         |
|---|-------------------------|
|   | <b>Liabiliti Semasa</b> |
|   | <b>RM</b>               |
|   | Insurans prabayar       |
|   | 900                     |

- 20 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan AJZ.

Ambilan barang niaga RM1 300 untuk kegunaan keluarga tertinggal catat.

Apakah kesan terhadap untung bersih selepas pembetulan kesilapan dibuat?

- A Berkurang RM1 300
- B Bertambah RM1 300
- C Berkurang RM2 600
- D Bertambah RM2 600

21 Kesilapan berikut telah dikesan dalam buku Perniagaan Sejiwa.

Belanja membaiki kenderaan RM120 telah tersalah rekod dalam Akaun Kenderaan.

Bagaimanakah kesilapan tersebut dibetulkan dalam Jurnal Am?

A

| Jurnal Am                               |             |              |
|---|-------------|--------------|
|   | Debit<br>RM | Kredit<br>RM |
| Belanja membaiki kenderaan<br>Kenderaan | 120         | 120          |

B

| Jurnal Am                               |             |              |
|---|-------------|--------------|
|   | Debit<br>RM | Kredit<br>RM |
| Kenderaan<br>Belanja membaiki kenderaan | 120         | 120          |

C

| Jurnal Am                               |             |              |
|---|-------------|--------------|
|   | Debit<br>RM | Kredit<br>RM |
| Belanja membaiki kenderaan<br>Kenderaan | 240         | 240          |

D

| Jurnal Am                               |             |              |
|---|-------------|--------------|
|   | Debit<br>RM | Kredit<br>RM |
| Kenderaan<br>Belanja membaiki kenderaan | 240         | 240          |

22 Antara berikut, manakah merupakan nisbah kecekapan?

- I Tempoh Kutipan Hutang
- II Pulangan atas Modal
- III Margin Untung Bersih
- IV Kadar Pusing Ganti Inventori

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

[ Lihat halaman sebe

- 23 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kedai Baju Zhi Em pada 30 April 2021.

|                          | RM     |
|--------------------------|--------|
| Modal pada 1 Mei 2020    | 26 400 |
| Modal pada 30 April 2021 | 33 300 |
| Modal tambahan           | 2 900  |

Berapakah ambilan bagi tahun kewangan yang sama sekiranya perniagaan memperoleh untung bersih sebanyak RM8 600?

- A RM4 600  
 B RM18 400  
 C RM36 900  
 D RM49 200
- 24 Encik Alang, pemilik kedai beras tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Berikut ialah maklumat perniagaannya pada 31 Disember 2020.

**Akaun Kawalan Belum Terima**

| 2020   |          |  | RM     | 2020    |                |  | RM     |
|--------|----------|--|--------|---------|----------------|--|--------|
| Jan. 1 | Baki b/b |  | 12 600 | Dis. 31 | Tunai          |  | 18 200 |
|        |          |  |        |         | Diskaun diberi |  | 320    |
|        |          |  |        |         | Baki h/b       |  | 10 200 |

**Buku Tunai (petikan)**

| 2020   |                    |  | RM     | 2020    |        |  | RM    |
|--------|--------------------|--|--------|---------|--------|--|-------|
| Jan. 1 | Baki b/b           |  | 15 500 | Dis. 31 | Belian |  | 1 560 |
|        | Akaun Belum Terima |  | 18 200 |         |        |  |       |
|        | Jualan             |  | 5 300  |         |        |  |       |

Berapakah jumlah jualan?

- A RM5 300  
 B RM16 120  
 C RM21 420  
 D RM23 500

- 25 Apakah tujuan sistem kawalan tunai diamalkan?
- A Mengelakkan berlakunya kehilangan tunai
  - B Memastikan pelaburan tunai dibuat setiap bulan
  - C Memastikan dokumen sokongan dapat dijadikan bukti
  - D Memastikan hutang dijelaskan dengan jumlah tunai yang mencukupi

- 26 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Piqa.

|   | RM    |
|---|-------|
| Baki debit Buku Tunai                           | 4 300 |
| Cek Belum dikemukakan                           | 1 000 |
| Deposit Belum dikreditkan                       | 6 550 |
| Buku Tunai berkurangan catat (di sebelah debit) | 9     |

Berapakah baki akhir di Penyata Bank?

- A Baki debit RM1 241
  - B Baki kredit RM1 241
  - C Baki debit RM1 259
  - D Baki kredit RM1 259
- 27 Antara berikut, manakah butiran yang diambil kira dalam penyediaan belanjawan tunai?
- I Peruntukan Hutang Ragu
  - II Susut nilai kenderaan
  - III Insurans
  - IV Modal
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

[ Lihat halaman sebelah

- 28 Pilih tujuan penyediaan Akaun Pengasingan Untung Rugi yang betul.
- A Untuk menentukan pembahagian untung atau rugi pekongsi-pekongsi
  - B Untuk mengagihkan faedah atas modal kepada pekongsi-pekongsi
  - C Untuk menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti perkongsian
  - D Untuk menentukan untung bersih perkongsian
- 29 Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian Alana dan Shuhanis pada 31 Disember 2021 yang berkongsi untung atau rugi dengan nisbah 1:2.

|   | RM     |
|---|--------|
| Untung bersih   | 12 900 |
| Faedah atas ambilan                                       | 500    |
| Gaji Shuhanis   | 3 600  |
| Faedah atas modal   | 800    |
| <b>Maklumat tambahan:</b>                                 |        |
| Gaji yang telah dibayar kepada Shuhanis sebanyak RM2 700. |        |

Berapakah keuntungan yang diperolehi Shuhanis?

- A RM3 000
- B RM4 500
- C RM6 000
- D RM6 300

30 Maklumat berikut diperoleh daripada Akaun Semasa Theva.

|                                  | RM    |
|----------------------------------|-------|
| Baki pada 1 Mei 2020             | 8 400 |
| Faedah atas modal                | 2 200 |
| Faedah atas ambilan              | 300   |
| Ambilan                          | 3 000 |
| Pengasingan Untung Rugi (kredit) | 9 400 |

Berapakah baki Akaun Semasa Theva pada 30 April 2021?

- A RM10 900
- B RM12 300
- C RM16 700
- D RM18 900

31 Antara berikut, apakah yang menyebabkan perniagaan perkongsian dibubarkan?

- I Seorang pekongsi meninggal dunia
- II Persetujuan salah seorang pekongsi
- III Seorang pekongsi jatuh sakit
- IV Perintah mahkamah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 32 Syarikat Mermaid Berhad telah menerbitkan 500 000 unit Syer Biasa kepada orang awam dengan harga RM1.20 sesyer. Pada tarikh tutup permohonan, jumlah wang yang diterima ialah sebanyak RM480 000.

Berapakah jumlah kurangan langganan syer yang ditawarkan dan siapakah pihak yang akan menanggung jumlah kurangan tersebut?

|   | Jumlah kurangan langganan | Pihak yang menanggung kurangan |
|---|---------------------------|--------------------------------|
| A | RM20 000                  | Kerajaan                       |
| B | RM120 000                 | Syarikat Mermaid Berhad        |
| C | RM20 000                  | Firma broker                   |
| D | RM120 000                 | Bank saudagar                  |

- 33 Syarikat Jasa Berjaya Berhad telah menerbitkan 200 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 1 200 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.50 sesyer.

Untuk terbitan kali pertama pada 1 Jun 2020, Syarikat Jasa Berjaya Berhad telah menawarkan separuh daripada Syer Keutamaan dan 2/3 daripada Syer Biasa kepada orang awam. Semua syer yang ditawarkan telah dilanggan dan dibayar penuh pada 12 Jun 2020.

Berapakah jumlah Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh pada tarikh tersebut?

- A RM2 200 000
- B RM1 400 000
- C RM800 000
- D RM700 000

- 34 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Warisan Berhad bagi tahun berakhir 31 Oktober 2020.

| <b>Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh</b> |             |
|---|-------------|
| 500 000 unit 10% Syer Keutamaan             | RM1 000 000 |
| 200 000 unit Syer Biasa                     | RM300 000   |

Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen Syer Biasa pada kadar 25 sen sesyer.

Berapakah jumlah dividen akhir Syer Biasa?

- A RM50 000  
 B RM75 000  
 C RM125 000  
 D RM250 000
- 35 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Bola Sepak MCF.

**Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2020**

|                 | RM    |
|-----------------|-------|
| Yuran ahli 2019 | 300   |
| Yuran ahli 2020 | 7 650 |

**Maklumat tambahan:**

| i.                     | 1 Januari 2020 | 31 Disember 2020 |
|------------------------|----------------|------------------|
|                        | RM             | RM               |
| Yuran belum terima     | 320            | 400              |
| Yuran belum terperoleh | -              | 280              |

- ii. Yuran belum terima 2019 yang tidak dapat dikutip dihapuskan sebagai yuran lapuk.

Berapakah jumlah bayaran yuran yang direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan?

- A RM7 650  
 B RM7 770  
 C RM7 950  
 D RM8 370

[ Lihat halaman sebelah



36 Manakah yang berikut merupakan pendapatan modal bagi Kelab Bola Jaring JB?

- A Menerima sewa gelanggang bola jaring
- B Menerima yuran pertandingan bola jaring
- C Menerima keuntungan daripada kantin bola jaring
- D Menerima derma untuk menambah gelanggang bola jaring

37 Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Rekreasi Taman Jaya sepanjang tahun 2020.

|                             | RM     |
|-----------------------------|--------|
| Baki 1 Januari 2020         | 10 700 |
| <b>Penerimaan:</b>          |        |
| Yuran ahli                  | 12 800 |
| Derma                       | 500    |
| Yuran pertandingan melukis  | 1 600  |
| Yuran masuk                 | 3 900  |
| <b>Pembayaran:</b>          |        |
| Hadiah pertandingan melukis | 1 100  |
| Kadar bayaran               | 200    |
| Perabot pejabat             | 400    |
| Upah pekerja                | 2 400  |
| Surat khabar                | 200    |

Berapakah lebihan bagi tahun 2020?

- A RM14 500
- B RM14 900
- C RM25 200
- D RM25 600

- 38 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Sukan Wangian pada 30 Jun 2021.

|                            | RM     |
|----------------------------|--------|
| Bank                       | 18 500 |
| Lengkapan                  | 9 600  |
| Inventori alat tulis       | 40     |
| Yuran belum terima         | 300    |
| Yuran belum terperoleh     | 200    |
| Surat khabar belum bayar   | 50     |
| Inventori minuman          | 670    |
| Akaun Belum Terima Minuman | 1 870  |
| Akaun Belum Bayar Minuman  | 1 290  |

Berapakah dana terkumpul pada tarikh tersebut?

- A RM28 280
  - B RM29 440
  - C RM30 400
  - D RM30 980
- 39 Maklumat di bawah diperoleh daripada Kilang Kerepek Sabak Bernam.

|                                | RM     |
|--------------------------------|--------|
| Cukai import                   | 455    |
| Upah operator pengeluaran      | 36 000 |
| Angkutan keluar                | 900    |
| Belian bahan langsung          | 45 500 |
| Inventori awal bahan langsung  | 4 300  |
| Inventori akhir bahan langsung | 2 870  |
| Insurans kilang                | 5 000  |
| Gaji pengurus kilang           | 16 000 |
| Pulangan jualan barang siap    | 380    |

Berapakah kos bahan langsung digunakan?

- A RM47 005
- B RM47 385
- C RM48 285
- D RM50 255

[ Lihat halaman sebelah

- 40 Kilang Fine mengeluarkan sos tiram yang dijual pada harga RM4 seunit. Kos yang terlibat dalam pengeluaran tersebut adalah seperti berikut:

|                               |               |
|-------------------------------|---------------|
| Kos bahan langsung            | RM1.00 seunit |
| Kos upah langsung             | RM0.80 seunit |
| Sewa kilang                   | RM800         |
| Susut nilai aset bukan semasa | RM1 400       |

Berapakah unit yang perlu dikeluarkan sekiranya kilang ingin mendapatkan keuntungan sebanyak RM8 800?

- A 1 000 unit
- B 3 000 unit
- C 4 000 unit
- D 5 000 unit

### KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT